

**AKMALHISHAM** Jasni  
**SHARIFAH MUNIRAH** Alatas,  
**SHARIFAH MASTURA** Syed Abdullah  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **PENGHAKIMAN TRIBUNAL ANTARABANGSA UNTUK UNDANG-UNDANG LAUT (ITLOS) DALAM ISU PENAMBAKAN WILAYAH DI SINGAPURA**

### ***THE JUDGMENT OF INTERNATIONAL TRIBUNAL FOR THE LAW OF THE SEA (ITLOS) ON THE ISSUE OF SINGAPORE'S LAND RECLAMATION***

*Penambakan wilayah adalah satu teknik yang merujuk kepada kerja-kerja pengorekan pasir di sesuatu lokasi, dan pasir itu kemudiannya ditimbus ke lokasi tertentu di pinggir pantai bagi meninggikan aras permukaan dasar laut sehingga menjadi tapak muka bumi yang baru. Di antara negara yang sangat giat melakukan aktiviti penambakan wilayah di rantau Asia Tenggara ialah Singapura. Kajian ini menumpukan analisis prosiding penambakan wilayah Singapura di Tribunal Antarabangsa untuk Undang-Undang Laut (ITLOS) yang melibatkan negara jiran terdekatnya Malaysia. Pengumpulan maklumat primer dilaksanakan secara pemerhatian terus di lapangan dan juga membuat beberapa temubual mendalam. Manakala maklumat sekunder diperolehi melalui kajian kepustakaan. Hasil akhir kajian kumpulan pakar bebas (GOE) telah mengesahkan dakwaan awal kerajaan Malaysia bahawa, kerja-kerja penambakan wilayah Singapura di Tuas dan Pulau Tekong telah menyebabkan beberapa impak negatif seperti pencemaran di perairan laut Malaysia dan menyempitkan laluan perkapalan di Selat Johor. Justeru permohonan provisional measures kerajaan Malaysia sememangnya mempunyai asas kes yang sangat kukuh. Pada 26 April 2005, kedua-dua wakil kerajaan telah menandatangani perjanjian bersama secara rasmi untuk menamatkan pertelingkahan di dalam isu penambakan wilayah ini. Walaubagaimanapun, isu tuntutan kerajaan Malaysia di Titik 20 tidak dibincangkan di dalam prosiding ini, namun kedua-dua pihak bersetuju agar rundingan diplomatik yang berasingan di adakan*

*bagi tujuan tersebut pada masa akan datang.*

**Kata kunci:** *penambakan wilayah, provisional measures, ITLOS, Titik 20, GOE*

*Land reclamation is a technique that refers to sand dredging in a given location and the sand is then placed at another location by the shores to elevate the seabed surface level until it becomes a new landscape. Among the countries that actively embark into land reclamation activities in the Southeast Asia region is Singapore. This is because, Singapore is one of the countries which experience land insufficiency and have a limited coastal area. Analysis of this study has focused on Singapore's land reclamation proceeding at the International Tribunal for the Law of the Sea (ITLOS), which involved her nearest neighbour Malaysia. The collection of primary data was done through direct site observation, and through several interviews. Meanwhile, the collection of secondary materials was done using the library study method in relevant premises. The Group of Experts (GOE) studies has found that, the land reclamation activities in Tuas and Tekong Island had caused the negative impacts such as Malaysian coastal water pollution, and narrowing the sea lanes at the Straits of Johore. On 26<sup>th</sup> April 2005, both governments had signed an official declaration to end the conflict in this matter. Since the dispute of Point 20 was not discussed in the proceeding, both parties had agreed to pursue the issue in another diplomatic discussion soon.*

**Keywords:** *land reclamation, provisional measures, ITLOS, Point 20, GOE*

## **Pengenalan**


Singapura telah terlibat di dalam aktiviti penambakan wilayah semenjak era kolonial British lagi. Penambakan wilayah bagi tujuan pembesaran Pulau Singapura ini telah dimulakan seawal tahun 1820an apabila Sir Stamford Raffles mengarahkan pemerataan bukit yang berdekatan dengan kuala Sungai Singapura, supaya satu pelabuhan bagi kegunaan kapal-kapal perdagangan dapat dibina (Li 2002). Penambakan untuk membina pelabuhan di Singapura sangat penting sebagai strategi pengukuhan ekonomi dan militari pihak British, terutamanya ketika era Perang Dunia Pertama dan Kedua. Selepas beberapa dekad, kerajaan Singapura yang diterajui Lee Kuan Yew bersama parti yang

dipimpinnya giat melaksanakan projek-projek penambakan di sekitar perairan Singapura sehingga merubah bentuk asal negara tersebut (Cambell 2008).

Di antara projek-projek penambakan terbaru yang dilakukan termasuklah di Sungai Kallang untuk tujuan perumahan dan industri pada tahun 1960an, *Marine Parade* untuk perumahan pada tahun 1970an, Lapangan Terbang Changi untuk infrastruktur pada tahun 1980an, Pulau Jurong yang telah menggabungkan tujuh buah pulau pada tahun 1990an untuk tujuan industri dan di sebelah barat Changi untuk pembesaran kawasan lapangan terbang, pembangunan infrastruktur serta industri yang telah dibuat disepanjang tahun 1994 hingga 2002 (Koh and Lin 2006). Sehingga ke hari ini, proses penambakan di laut masih dilakukan di beberapa lokasi termasuklah di Tuas dan Pulau Tekong.

Menurut kajian terdahulu, aktiviti penambakan wilayah di Singapura telah bermula seawal tahun 1950an lagi. Seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1, perbezaan garis pantai akibat aktiviti penambakan di pinggir laut Singapura telah berlaku dengan sangat ketara di antara tempoh sebelum 1950an, dengan tempoh selepas 1950an. Untuk tahun-tahun terawal sehingga era 1980an, penambakan wilayah yang dilakukan oleh Singapura hanya tertumpu di selatan negara berkenaan dan tidak membimbangkan Malaysia (Nik Anuar Nik Mahmud, Mohd Fuad Jali, and Mohammad Agus Yusoff 2004). Namun, Malaysia mula memberikan perhatian khusus terhadap perkembangan aktiviti penambakan ini apabila pada tahun 1980 sehingga kini, Singapura telah melebar luaskan kawasan penambakan tersebut ke sekitar Selat Johor yang disifatkan terlalu hampir dengan garis sempadan laut negara Malaysia.

Secara teknikalnya, penambakan ini dilakukan dengan menanam pasir ke dalam air laut ataupun kawasan berpayau, dan di dalam masa yang sama terdapatnya dinding pemisah yang dibina di sekitar kawasan penambakan bagi mengelakkan percampuran sedimentasi. Ketika penambakan dilakukan di sebelah timur Singapura pada tahun 1960an, kedalaman lautnya adalah lebih kurang 16 kaki. Pada tahap kedalaman ini, secara umumnya sebanyak 65 kaki pasir perlu digunakan untuk tujuan penambakan tersebut (Qing 2005). Ini bermakna, kos projek penambakan wilayah bukanlah murah, apatah lagi situasi Singapura yang tidak mempunyai sumber alam sekitar sehingga memerlukan negara pulau tersebut mengimport bekalan-bekalan keperluannya daripada pihak luar termasuklah bekalan pasir dan tanah bagi tujuan penambakan di laut.



Rajah 1: Peta garis pantai Singapura sebelum tahun 1950 sehingga kini.  
Sumber: (Schwartz, 2005).

Di sepanjang melaksanakan projek penambakan ini, pihak kerajaan Singapura menekankan aspek keselamatan, perlindungan dan pemuliharaan hidupan marin. Perkara ini dipertegas melalui langkah-langkah mitigasi yang diambil oleh pihak Singapura ketika melaksanakan kerja-kerja penambakan laut untuk meminimalkan impak alam sekitar yang berlaku di sekitar kawasan penambakan. Di antaranya ialah dengan menggunakan peralatan pemantauan yang lebih moden seperti meter arus dan meter kedalaman. Manakala proses penambakan tersebut dibahagikan pula mengikut tahap-tahap kedalaman air laut. Oleh itu, kontraktor yang dilantik diwajibkan mengikut kesemua langkah-langkah mitigasi ini untuk meminima dan mengawal sebarang pencemaran yang berpotensi untuk berlaku.

Disamping itu, projek penambakan di laut tersebut dibuat melalui dua peringkat pelan perancangan, iaitu Pelan Konsep dan Pelan Utama. Pelan Konsep disediakan bagi setiap 10 tahun, dan ianya merupakan pelan umum guna tanah serta pengangkutan untuk jangka masa panjang, yang memberikan panduan kepada pembangunan fizikal Singapura. Di dalam pelan ini, wilayah-wilayah yang dirancang untuk ditambak akan ditandakan. Sebagai contoh, rancangan penambakan di wilayah Pulau Tekong telah ditunjukkan di dalam Pelan Konsep 1991, dan rancangan penambakan di wilayah Tuas pula telah ditunjukkan di dalam Pelan Konsep 2001. Bagi Pelan Utama pula, ianya dikhususkan untuk menterjemahkan perincian guna tanah sebagaimana yang

telah ditunjukkan di dalam Pelan Konsep, namun perincian tersebut akan melibatkan perancangan pembangunan mampan bagi memelihara kelestarian alam sekitar di Singapura.

## **Tujuan dan kepentingan penambahan wilayah Singapura**

Menurut pandangan Penolong Profesor Alan Chong dari Jabatan Sains Politik, *National University of Singapore*, penambahan wilayah merupakan satu formula yang diketahui umum dan digunakan oleh kebanyakan negara-negara bersaiz kecil untuk membesarkan saiz wilayah negara mereka (Chong 2014). Kerajaan Singapura melakukan penambahan wilayah bagi mencapai rancangan pengukuhan ekonominya melalui strategi membesarkan saiz pelabuhan antarabangsanya. Kesannya, laluan perdagangan laut ke pelabuhan Malaysia menjadi semakin sempit berikutan ruang laluan kapal-kapal laut di antara kedua-dua negara telah mengecil secara drastik sehingga menjejaskan pelabuhan Malaysia yang berada lebih jauh ke dalam di Selat Johor.

Menurut James Chew yang merupakan seorang Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah syarikat perundingan di Singapura, beliau menyatakan bahawa kerajaan Singapura amat memerlukan bidang-bidang tanah melalui projek penambahan ini untuk memenuhi jangkaan pertumbuhan populasi dan peningkatan sektor ekonomi. Apa yang lebih penting, penambahan tersebut bukan hanya semata-mata berkenaan pembesaran saiz negara, tetapi juga merupakan sebahagian daripada strategi penting untuk kelangsungan Singapura pada masa hadapan (Chew 2014). Di dalam spesifikasi perancangan pembangunan Singapura, Pulau Ubin akan dijadikan sebagai kawasan rekreasi dan sukan.

Sementara itu Tuas pula menjadi pusat aktiviti dan industri perkapalan. Tuas dianggap sebagai kawasan yang ideal untuk dijadikan pusat pengurusan kontena kerana kewujudan laut dalam yang sangat sesuai bagi tujuan tersebut. Berdekatan dengan Tuas, sebanyak 27 pulau-pulau kecil digabungkan untuk dijadikan loji petrokimia. Namun begitu, Pulau Tekong yang seringkali digunakan sebagai tapak latihan ketenteraan Singapura, tidak pula mempunyai sebarang pelan spesifik yang diumumkan selain dicatatkan sebagai kegunaan khas pihak kerajaan (Li 2002). Pulau Jurong di sebelah selatan negara itu pula ditambah sedemikian rupa untuk menempatkan industri berat dan berbahaya, yang sememangnya tidak sesuai untuk dilokasikan berdekatan dengan pusat penempatan penduduk, sekolah dan hospital.

Pada tahun 1960an, Singapura mendapatkan sumber pasir dan tanah untuk projek penambahkannya dari bukit-bukit yang terdapat di kepulauan itu. Kini, aras permukaan Singapura telah menjadi rata kerana ketiadaan tanah tinggi lagi. Hal ini memaksa kerajaan Singapura untuk membeli pasir dan tanah dari Malaysia dan Indonesia yang dijual di antara S\$7 hingga S\$10 per kubik yard (Qing 2005). Sebanyak lebih kurang 80% sumber pasir untuk projek

penambakan di Singapura telah dibekalkan oleh Indonesia. Akan tetapi setelah mendapat bantahan yang berterusan daripada warga penduduknya sendiri khususnya di Kepulauan Riau, akhirnya kerajaan Indonesia telah menamatkan urusan tersebut pada Februari 2003. Semenjak tahun 1960an, hampir kesemua projek penambakan di laut telah dilaksanakan oleh tiga agensi utama kerajaan Singapura iaitu *Housing and Development Board (HDB)*, *Jurong Town Corporation (JTC)* and *Port of Singapore Authority (PSA)* (Kog 2006). Masing-masing mewakili ketiga-tiga aspek penting pembangunan negara iaitu perumahan, industri dan infrastruktur pelabuhan.

## **Penambakan wilayah pada perspektif Singapura**

Kerajaan Singapura telah melaksanakan projek penambakan wilayah di beberapa lokasi seperti Changi, Jurong, Pulau Ubin, Pulau Tekong dan Tuas. Namun begitu pada tahun 2002, projek penambakan di Tuas dan Pulau Tekong telah mendapat bantahan dari kerajaan Malaysia. Kerajaan Malaysia mendakwa kerja-kerja penambakan di laut yang melibatkan kedua-dua lokasi itu telah menjejaskan kepentingan dan kedaulatan Malaysia. Secara khususnya, penambakan di Tuas telah melangkaui titik sempadan perairan negara Malaysia, manakala penambakan di Pulau Tekong telah menyebabkan berlakunya pencemaran sehingga mengakibatkan kemusnahan kepada pesekitaran marin, memusnahkan jeti dan mengurangkan hasil tangkapan para nelayan Malaysia ( Nik Anuar Nik Mahmud et al. 2004).

Ekoran daripada itu, kerajaan Singapura dikatakan telah meminta laporan terperinci beberapa kali, bagi setiap kali bantahan yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia (Koh and Lin 2006). Tujuannya ialah untuk melakukan siasatan berhubung dakwaan tersebut. Menurut Koh, 2005, kerajaan Malaysia telah berjanji untuk memberikan laporan tersebut, tetapi laporan tersebut lewat dikemukakan sehinggalah lebih setahun kemudiannya. Laporan tersebut yang antaranya mengandungi hasil kajian pakar-pakar penyelidik Malaysia yang berkaitan dengan bidang biomarin, geomorfologi dan oseanografi telah diserahkan oleh kerajaan Malaysia kepada kerajaan Singapura pada 4 Julai 2003 supaya tindakan mitigasi segera dapat dilakukan.

Seterusnya, di dalam pertemuan delegasi kerajaan Malaysia bersama kerajaan Singapura pada 13-14 Ogos 2003, kerajaan Malaysia berhasrat untuk mengadakan satu sistem perundingan yang lengkap bersama Singapura bagi mengatasi masalah dan akibat daripada projek penambakan di laut ini, termasuklah pendekatan bertukar-tukar dan berkongsi maklumat daripada kedua-dua belah pihak. Kerajaan Singapura pula telah membentangkan secara lengkap berkenaan projek penambakan di Tuas dan Pulau Tekong, di mana pihak mereka mempertegaskan bahawa pelaksanaan penambakan di Tuas dan Pulau Tekong ini hanya terhad di dalam sempadan perairan Singapura sahaja. Malahan, mereka memberi jaminan bahawa titik-titik sempadan perairan

Malaysia tidak akan terjejas sama sekali.

Pihak kerajaan Singapura juga memberikan maklum balas terhadap persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh delegasi kerajaan Malaysia sama ada secara lisan ataupun bertulis. Di penghujung pertemuan itu, kedua-dua pihak telah mendapati bahawa proses rundingan tersebut adalah sangat berguna dan kedua-dua agen kerajaan bersetuju untuk mengadakan pertemuan lanjut. Untuk pertemuan kali yang kedua, kerajaan Singapura mencadangkan perbincangan mengenai pembentukan kumpulan kerja teknikal, supaya hal-hal yang berkaitan dengan isu-isu teknikal dapat diputuskan secara bersama.

Bagi memberikan laluan kepada pertemuan diplomatik yang kedua berlangsung, kerajaan Singapura telah diminta menyatakan komitmen awalnya dengan menghentikan serta merta program penambakan yang sedang dilakukannya di Tuas dan Pulau Tekong (ITLOS 2003a). Perwakilan kerajaan Singapura memberikan maklum balas yang positif untuk memberikan kerjasama, tetapi tidak bersetuju untuk menangguhkan kerja-kerja penambakan tersebut. Ini adalah kerana mereka yakin melalui kajian dan laporan yang telah dihasilkan, menunjukkan projek penambakan yang sedang dilaksanakan dan juga yang berada di dalam perancangan, tidak akan menyebabkan sebarang impak negatif kepada Malaysia, termasuklah menjejaskan laluan navigasi kapal-kapal kecil dan sederhana yang melalui Selat Johor.

Walaupun bagaimanapun, Malaysia sekali lagi mengulangi permohonan penangguhan projek penambakan tersebut daripada kerajaan Singapura, secara khususnya di Pulau Tekong, di mana projek tersebut dilaksanakan terlalu dekat dengan garis sempadan perairan negara Malaysia. Tetapi kerajaan Singapura melewati maklum balas kepada kerajaan Malaysia sehingga lebih seminggu, dan di dalam masa yang sama mereka dikesan mempergiatkan lagi kerja-kerja penambakan di Pulau Tekong.

Di samping itu, di dalam nota diplomatik kerajaan Singapura kepada kerajaan Malaysia bertarikh 2 September 2003, kebimbangan kerajaan Malaysia mengenai cadangan pembinaan lingkaran pengangkutan yang menghubungkan Singapura dengan Pulau Ubin dan Pulau Tekong telah dijelaskan. Menurut kerajaan Singapura, pihak mereka akan melaporkan pembinaan lingkaran pengangkutan di antara Singapura dengan Pulau Ubin dan Pulau Tekong jika sekiranya terdapat apa-apa kesan yang menjejaskan hak laluan laut Malaysia (ITLOS 2003b). Lebih daripada itu, kerajaan Singapura juga memberi jaminan bahawa jika kesemua bukti berlakunya kemusnahan yang menjejaskan kepentingan Malaysia adalah benar, maka kerajaan Singapura akan memeriksa secara serius tatacara kerja penambakannya, termasuklah mengambil langkah untuk memberhentikan kerja-kerja penambakan bagi memberi laluan kepada langkah-langkah mitigasi.

Namun demikian, setelah kerajaan Malaysia menerima maklumat-maklumat penting berhubung projek penambakan di Tuas dan Pulau Tekong di dalam pertemuan diplomatik bertarikh 13 dan 14 Ogos 2003, dan juga



mendapat jaminan kerjasama kerajaan Singapura melalui nota diplomatik bertarikh 2 September 2003, kerajaan Malaysia secara tiba-tiba telah memutuskan siri rundingan tersebut. Tindakan ini terpaksa diambil kerana keengganan berterusan kerajaan Singapura untuk memberhentikan kerja-kerja penambakan wilayahnya, sedangkan kerajaan Malaysia berpendapat bahawa kerajaan Singapura harus memberi laluan kepada penyelesaian masalah-masalah yang berbangkit melalui rundingan dua hala terlebih dahulu.

Lantaran itu, kerajaan Malaysia telah memfailkan kes permohonan *provisional measures* di Tribunal Antarabangsa untuk Undang-Undang Laut (ITLOS) pada 4 September 2003 di bawah Artikel 290(5) *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS). Di antara perkara-perkara yang terangkum di dalam permohonan *provisional measures* ini ialah:

1. Menuntut Singapura menengguhkan kesemua aktiviti penambakan di laut yang terletak di kawasan persempadanan di antara kedua-dua negara atau di kawasan yang dituntut sebagai sempadan laut Malaysia (secara spesifiknya di sekitar Pulau Tekong dan Tuas);
2. Meminta Singapura menyediakan maklumat lengkap yang mengandungi cadangan-cadangan pembesaran penambakan, kaedah penambakan, bahan-bahan penambakan yang digunakan dan rancangan pemeliharaan dan pemuliharaan pinggir pantai yang menerima kesan langsung akibat aktiviti penambakan tersebut;
3. Membenarkan Malaysia memberi maklum balas di atas kerja-kerja penambakan dan impak yang mungkin berlaku, termasuklah ke atas maklumat yang disediakan;
4. Bersetuju merundingkan sebarang isu yang belum diselesaikan bersama Malaysia.

Agen kerajaan Singapura di mahkamah ITLOS, Prof. Tommy Koh telah menyatakan bahawa, adalah jelas hasrat sebenar kerajaan Malaysia hanyalah untuk mendapatkan *provisional measures* bagi menghalang tindakan kerajaan Singapura melakukan kegiatan penambakan di laut, terutamanya bagi wilayah Tuas dan Pulau Tekong (ITLOS 2003b). Kerajaan Malaysia dikatakan tidak berniat untuk bekerjasama merundingkan isu ini, apatah lagi persetujuan untuk mengadakan siri rundingan diplomatik pada 13 dan 14 Ogos 2003 adalah sebagai langkah taktikal kerajaan Malaysia untuk memenuhi syarat asas seperti yang terkandung di dalam Artikel 283 di bawah UNCLOS, iaitu pihak-pihak yang terbabit di dalam pertelingkahan mestilah merundingkan isu tersebut sebelum permohonan kes *provisional measures* boleh dibuat ke mahkamah ITLOS. Perkara ini dimanifestasikan melalui tindakan kerajaan Malaysia yang menamatkan siri rundingan diplomatik selepas berlakunya pertemuan 13 dan 14 Ogos 2003 yang lalu.

Justeru ketika pendengaran kes di mahkamah ITLOS, para agen



kerajaan Singapura telah membangkitkan persoalan berkenaan *urgency of provisional measures*. Secara khususnya, setelah kerajaan Malaysia menyiapkan laporan kajian yang menyatakan kebimbangannya terhadap projek penambakan Singapura di wilayah Tuas dan Pulau Tekong, mengapa kerajaan Malaysia perlu mengambil masa sehingga setahun untuk menghantar laporan tersebut kepada kerajaan Singapura? Oleh hal yang demikian, kerajaan Singapura telah memohon mahkamah ITLOS supaya:

1. Menggugurkan permohonan *provisional measures* kerajaan Malaysia, dan
2. Mengarahkan agar kerajaan Malaysia membiayai segala kos yang ditanggung oleh kerajaan Singapura di dalam prosiding kes tersebut di mahkamah ITLOS.

### **Bantahan Malaysia kepada Singapura**

Di dalam isu penambakan wilayah Singapura ini, kerajaan Malaysia berpendirian tidak menafikan kepentingan penambakan tersebut kepada Singapura. Malaysia tidak menolak hak Singapura untuk memperbesarkan negara pulau itu bagi memenuhi keperluan pertumbuhan populasi penduduknya dan perkembangan ekonomi negara mereka. Malahan kerajaan Malaysia telah mengambil sikap tidak membantah kegiatan-kegiatan penambakan di laut oleh Singapura sebelum ini. Namun demikian, Malaysia melihat secara khusus terhadap projek penambakan di kedua-dua wilayah yang sangat berkaitan dengan kepentingan dan hak kedaulatan Malaysia iaitu Tuas dan Pulau Tekong. Di antara isu-isu penambakan yang wujud di kedua-dua wilayah ini ialah berkenaan titik sempadan di antara Singapura – Malaysia yang tidak jelas di Tuas, dan impak sosio ekonomi serta pencemaran marin yang berlaku di dalam sempadan perairan Johor akibat aktiviti penambakan di Pulau Tekong.

Akibat keengganan kerajaan Singapura memberikan kerjasama yang baik di dalam menyelesaikan pertikaian projek penambakan di Tuas dan Pulau Tekong, maka kerajaan Malaysia telah menggunakan saluran undang-undang melalui mahkamah ITLOS, bagi mendesak kerajaan Singapura agar memberikan maklumat lengkap berhubung perancangan penambakan wilayahnya. Maklumat lengkap ini diperlukan sebagai manifestasi kebimbangan kerajaan Malaysia terhadap isi kandungan nota diplomatik kerajaan Singapura pada 2 September 2003 yang lalu. Ini adalah kerana di dalam mesyuarat terdahulu bertarikh 13 dan 14 Ogos 2003, Singapura menjelaskan perancangan untuk membina lingkaran pengangkutan seperti jambatan atau terowong yang menghubungkan Singapura dengan Pulau Tekong dan Pulau Ubin.

Setelah kerajaan Malaysia memohon pencerahan terhadap perancangan tersebut, kerajaan Singapura hanya membalas melalui nota diplomatik bertarikh 2 September tersebut, bahawa mereka bersedia untuk

memberi maklumat dan merundingkan perancangan pembinaan lingkaran pengangkutan itu hanya jika ianya memberi kesan terhadap hak laluan laut Malaysia. Isu yang timbul ialah, bagaimana kerajaan Singapura boleh secara unilateral mentakrifkan hak laluan laut Malaysia terjejas, menentukan untuk memberikan maklumat kepada Malaysia dan merundingkan perkara ini bersama Malaysia hanya bersandarkan kata putus sebelah pihak sahaja?

Di dalam nota diplomatik kepada kerajaan Malaysia tersebut, kerajaan Singapura melalui kajian impak yang telah dijalankan, sekali lagi menegaskan bahawa projek penambakan wilayah yang sedang dilaksanakan, dan yang berada di dalam perancangan untuk masa hadapan, diyakini tidak menyebabkan sebarang impak negatif kepada Malaysia. Namun kerajaan Malaysia telah mendapati bahawa kajian tersebut telah dijalankan, dan hanya terbatas di dalam ruang lingkup sempadan wilayah mereka sendiri. Malah menjadi kebimbangan apabila kajian impak yang dibuat oleh kerajaan Singapura bukanlah kajian Penilaian Impak Alam Sekitar Terperinci atau lebih dikenali sebagai *Detailed Environmental Impact Assessment - Detailed EIA* yang sepatutnya menjadi sebahagian daripada proses piawai kepada sesuatu projek penambakan dan pembangunan wilayah, seperti yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara lain di serata dunia, termasuklah di Malaysia (Department of Environment Malaysia 2007; Pedersen 2007).

Selanjutnya timbul persoalannya mengapa Malaysia mengambil tindakan memohon *provisional measures* di mahkamah ITLOS sedangkan perbincangan dua hala sedang berlangsung? Kerajaan Malaysia mendapati di dalam beberapa siri bantahan dan perbincangan bersama kerajaan Singapura, kerajaan Singapura tetap tidak bersetuju malah menolak sama sekali tuntutan kerajaan Malaysia supaya kegiatan penambakan di laut dihentikan terlebih dahulu bagi mengelakkan kemusnahan alam sekitar yang lebih besar lagi di pihak Malaysia.

Oleh sebab itu, Malaysia mesti pantas untuk menuntut pemberhentian projek penambakan itu dengan menggunakan saluran undang-undang bagi memelihara kepentingan Malaysia yang semakin hari semakin terjejas akibat projek penambakan tersebut. Apatah lagi, proses penambakan yang sedang dilakukan oleh Singapura masih belum berada di peringkat akhir ketika itu, justeru apabila keputusan mahkamah ITLOS membenarkan tuntutan kerajaan Malaysia, kerajaan Singapura masih sempat menarik semula proses penambakan tersebut di dalam masa terdekat. Namun apa yang menjadi masalah ialah apabila kerajaan Singapura memberikan reaksi yang sangat mendukacitakan dengan seringkali meminta kerajaan Malaysia memberikan hasil kajian dan analisis terperinci berhubung dakwaan penambakan laut yang mengancam kepentingan Malaysia, tanpa mahu mendengar dan membincangkan bantahan awal Malaysia secara teliti dan serius.

Seterusnya berkenaan dakwaan Singapura bahawa tuntutan Malaysia memohon *provisional measures* di ITLOS adalah pramatang kerana

membatalkan rundingan diplomatik ke peringkat seterusnya selepas 13 dan 14 Ogos 2003 yang lalu, sebenarnya adalah satu dakwaan yang sangat tidak berasas. Ini adalah kerana di dalam perenggan 1 artikel 283, ada menyatakan bahawa, sebelum memfailkan kes di mahkamah ITLOS, mesti telah berlakunya proses pertukaran maklumat untuk menyelesaikan perbalahan yang timbul melalui meja rundingan di antara pihak-pihak yang terbabit. Apa yang nyatanya di sini, kerajaan Malaysia telah mengusahakan rundingan-rundingan ini sehinggalah kerajaan Singapura tidak mahu bertoleransi untuk menghentikan aktiviti penambakannya di kedua-dua wilayah yang menjadi punca pertikaian iaitu Tuas dan Pulau Tekong, sebelum keputusan akhir siri rundingan diplomatik tersebut boleh dicapai.


Ketika perbicaraan di mahkamah ITLOS, pihak kerajaan Singapura telah membangkitkan perihal kerajaan Malaysia, yang dikatakan telah mengetahui mengenai status projek penambakan di wilayah Tuas dan Pulau Tekong, pada ketika ianya dilakukan di peringkat awal lagi. Oleh itu, para peguam kerajaan Singapura telah membidas reaksi kerajaan Malaysia yang seolah-olah terkejut dengan program pembesaran wilayah Singapura itu. Mereka menimbulkan persoalan mengapa kerajaan Malaysia, setelah mengetahui projek penambakan itu sedang dilakukan di peringkat awal, tidak pernah mengemukakan bantahan atau menuntut perundingan diplomatik terhadap kerajaan Singapura.

Di dalam penghujahan balas para peguam kerajaan Malaysia, mereka memperkukuhkan kes dengan logik bahawa, kerajaan Singapura yang seharusnya memulakan penyampaian maklumat lengkap kepada kerajaan Malaysia berhubung program pembesaran wilayah negara mereka, kerana kerajaan Malaysia tidak boleh dipaksa memulakan perundingan isu tersebut tanpa maklumat yang lengkap daripada kerajaan Singapura. Malahan apa yang berlaku, kerajaan Malaysia terpaksa berusaha sendiri mengkaji impak projek penambakan wilayah Singapura itu walaupun tanpa mendapat kerjasama daripada kerajaan Singapura. Perkara ini juga berkait rapat dengan tindakan kerajaan Singapura yang tidak memberikan ruang penyertaan awam di dalam proses persediaan penambakan wilayah tersebut melalui pengisytiharan kajian Penilaian Impak Alam Sekitar Terperinci secara terbuka sebagaimana yang patut dilakukannya.

Di samping itu, di dalam hujah pembentangan agen kerajaan Singapura di mahkamah ITLOS, pihak mereka ada menjelaskan bahawa pelan perancangan pembangunan Pulau Tekong untuk pertama kalinya telah diumumkan melalui Pelan Konsep 1991. Rancangan penambakan di wilayah ini kemudiannya melalui beberapa peringkat semakin sebelum disahkan, dan dibenarkan pelaksanaannya di dalam tahun 1999. Apa yang menjadi isu ialah, Pelan Konsep 1991 yang dikemukakan tidak menggambarkan secara terperinci wilayah-wilayah yang hendak ditambak di sepanjang pelaksanaan pelan tersebut dari tahun 1991 sehingga 2001.

Umpamanya, penambakan di Pulau Tekong hanyalah digambarkan akan berlaku di perairan cetek selatan pulau itu. Malahan, pada asalnya tiada sebarang maklumat yang berkaitan dengan rancangan pembinaan lingkaran pengangkutan seperti jambatan atau terowong yang menghubungkan Singapura dengan Pulau Tekong dan Pulau Ubin. Apa yang pasti, maklumat penambakan yang dirancang untuk dilaksanakan di Tuas pula hanya wujud pertama kalinya di dalam Pelan Konsep 2001.


Gambaran itulah yang diterima oleh kerajaan Malaysia selama hampir 10 tahun kebelakangan ini sehingga ke tahun 2001, yang menyebabkan kerajaan Malaysia tidak mempertikaikan kerja-kerja penambakan tersebut. Ini adalah kerana maklumat yang terkandung di dalam Pelan Konsep 1991 dan Pelan Konsep 2001 adalah maklumat pelan perancangan pembangunan Singapura yang terlalu umum. Sehingga yang terkini, hasil penambakan yang sangat ketara telah berlaku di wilayah Pulau Tekong dan Tuas sehingga mengakibatkan beberapa impak alam sekitar dan sosio ekonomi kepada Malaysia seperti sedimentasi air laut, pemendapan pinggir pantai, kemusnahan hutan paya bakau, kemusnahan hidupan marin dan menjejaskan aktiviti-aktiviti nelayan kecil. Sekali lagi kerajaan Singapura gagal memberikan petunjuk yang tepat berhubung rancangan penambakan yang dilaksanakan di sepanjang tempoh 2001 sehingga 2011.



Rajah 2: Semakan silang perubahan pinggir pantai Singapura 1968 - 2012 dengan Pelan Konsep 2011 Singapura di wilayah Tuas.

Ini adalah akibat daripada sikap kerajaan Singapura tidak mahu memberikan perincian secara menyeluruh berkenaan projek tersebut kepada

kerajaan Malaysia walaupun permohonan rasmi telah dibuat di sehinggalah kerajaan Singapura terdesak untuk menyertai rundingan diplomatik bertarikh 13-14 Ogos 2003, hanya kerana kerajaan Malaysia telah memulakan langkah awal permohonan *provisional measures* ke mahkamah ITLOS. Perubahan garis pantai Singapura akibat aktiviti-aktiviti penambakan semenjak tahun 1968 sehingga 2012 telah dijanakan melalui teknologi pemetaan satelit sebagaimana yang ditunjukkan pada Rajah 2 di wilayah Tuas, dan Rajah 3 di Pulau Tekong.



Rajah 3: Semakan silang perubahan pinggir pantai Singapura 1968 - 2012 dengan Pelan Konsep 2011 Singapura di Pulau Tekong.

Selanjutnya, para peguam kerajaan Malaysia menggariskan secara khusus beberapa pelanggaran undang-undang oleh kerajaan Singapura di bawah UNCLOS. Pertama, kerajaan Singapura didapati melakukan kesalahan di bawah Bahagian XII undang-undang UNCLOS, untuk memelihara dan memulihara hidupan marin dan menjejaskan hak-hak kerajaan Malaysia. Kesalahan-kesalahan ini dibangkitkan dengan merujuk kepada artikel 192, 193, 194, 195, 198, 200, 201, 204, 205, 206 dan 208 undang-undang UNCLOS. Ini bermakna kerajaan Singapura tidak memberikan penekanan untuk memelihara dan memulihara hidupan marin dan seterusnya menyebabkan impak alam sekitar terhadap Malaysia.

Natijahnya didapati, para nelayan kecil Malaysia sukar menangkap ikan di zon kebiasaan mereka kerana banyak ikan telah lari jauh ke kawasan lain, serta berlakunya kerosakan kritikal terhadap jeti-jeti para nelayan di sepanjang Selat Johor ini, khasnya di Tanjung Piai dan Tanjung Belungkor. Disebabkan demikian, kerajaan Singapura sepatutnya patuh dengan falsafah undang-undang ini di dalam rangka aktiviti pembesaran dan penambakan wilayah mereka.

Pelanggaran undang-undang UNCLOS yang kedua pula ialah kegagalan kerajaan Singapura untuk memberikan kerjasama atau merundingkan projek penambakan wilayah mereka bersama kerajaan Malaysia. Ianya termaktub di bawah Bahagian IX undang-undang UNCLOS, seperti mana yang terkandung di dalam artikel 122 yang mendefinisikan Selat Johor adalah sebagai sebahagian daripada laut di dalam undang-undang yang digunapakai, dan pematuhan kepada artikel 123 (b) yang menyatakan bahawa setiap pihak yang terlibat mesti menunjukkan daya usaha yang bersungguh-sungguh untuk membuat satu penyelarasan, di dalam mengimplementasi hak-hak dan tanggungjawab, menurut kepada matlamat untuk memelihara dan memulihara hidupan marin. Di dalam artikel 123 (d) pula, pihak yang berkenaan mesti mengajak dan bekerjasama dengan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

Kemudian kategori ketiga pelanggaran undang-undang UNCLOS oleh Singapura ialah mengenai kegiatan penambakan wilayah Singapura yang melampaui had batas sempadan laut Malaysia khususnya di Titik 20. Perkara ini dijelaskan di dalam Seksyen 2 Bahagian II, khususnya di dalam artikel 15 undang-undang UNCLOS.

Kes *provisional measures*, seumpama yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia ini pernah juga berlaku pada tahun 1993 di antara Ireland dan United Kingdom (UK). Pertikaian di dalam isu ini ialah mengenai pembinaan dan pengoperasian loji Mox di Laut Irish (ITLOS 2001). Loji ini dibangunkan untuk mengitar semula plutonium yang terhasil ketika pemprosesan semula tenaga nuklear. Oleh itu, kerajaan Ireland memohon *provisional measures* di ITLOS untuk mempertahankan dan melindungi hidupan marin di Laut Irish. Lalu kerajaan UK memohon kes yang menentanginya ditolak kerana kerajaan Ireland tidak melalui proses bertukar-tukar maklumat melalui meja rundingan sebelum memohon *provisional measures* di mahkamah ITLOS.

Namun demikian di dalam penghakiman kes tersebut, mahkamah ITLOS mengesah dan menerima bahawa kerajaan Ireland terpaksa memulakan prosiding kes, selepas UK gagal menunjukkan kecenderungannya untuk menghentikan pembangunan loji Mox dengan serta merta, sebagai langkah-langkah awal yang perlu kerajaan UK lakukan sebelum siri rundingan diplomatik di antara dua kerajaan mengambil tempat (ITLOS 2001). Selanjutnya di dalam penghakiman kes yang sama, mahkamah turut memutuskan bahawa sesebuah negara tidak lagi perlu patuh kepada keperluan mengadakan siri rundingan bersama pihak yang dipertikaikan, apabila kemungkinan untuk mencapai kata putus di dalam rundingan tersebut tidak boleh dicapai.

## Titik 20

Selain daripada isu ancaman terhadap ekosistem dan keselamatan alam sekitar, bantahan kerajaan Malaysia terhadap kegiatan penambakan Singapura di wilayah Tuas adalah menjurus kepada tuntutan bertindih di titik sempadan

yang lebih dikenali sebagai Titik 20. Berhubung perkara ini kerajaan Singapura mendakwa bahawa, kerajaan Malaysia secara unilateral telah menerbitkan satu peta dengan memasukkan Titik 20 sebagai sebahagian wilayah mereka pada tahun 1979. Pihak kerajaan Singapura berpendapat, tuntutan tersebut tidak konsisten dengan garis sempadan yang telah termaktub dan dipersetujui bersama di dalam ikatan perjanjian diplomatik yang telah diadakan pada tahun 1927 dan 1995 yang lalu (Charney 2005). Sedangkan di dalam kedua-dua perjanjian tersebut, telah diisytiharkan bahawa koordinat Titik 20 berada di dalam garis sempadan negara pulau itu.

Perjanjian *Straits Settlement and Johore Territorial Waters (Agreement)* 1928 yang ditandatangani di antara British dengan Kesultanan Johor pada 19 Oktober 1927 telah mendefinisikan sempadan wilayah perairan di antara Singapura dengan Malaysia sebagaimana yang berikut:

*“... an imaginary line following the centre of the deep-water channel in Johore Strait, between the mainland of the State and Territory of Johore on the one side, and the northern shores of the islands of Singapore, Pulau Ubin, Pulau Tekong Kechil, and Pulau Tekong Besar on the other side. Where, if at all, the channel divides into two portions of equal depth running side by side, the boundary shall run midway between these two portions. At the western entrance of Johore Strait, the boundary, after passing through the centre of the deep-water channel eastward of Pulau Merambong, shall proceed seaward, in the general direction of the axis of this channel produced, until it intersects the 3-mile (4.8 km) limit drawn from the low water mark of the south coast of Pulau Merambong. At the Eastern entrance of Johore Strait, the boundary shall be held to pass through the centre of the deep-water channel between the mainland of Johore, westward of Johore Hill, and Pulau Tekong Besar, next through the centre of the deep-water channel between Johore Shoal and the mainland of Johore, southward of Johore Hill, and finally turning southward, to intersect the 3-mile (4.8 km) limit drawn from the low water mark of the mainland of Johore in a position bearing 192 degrees from Tanjong Sitapa.”*


Di antara rumusan penting yang dinyatakan di dalam perjanjian di atas ialah penentuan sempadan Singapura – Malaysia dengan menggunakan kaedah *thalweg*, iaitu mengikut titik tengah kedalaman laut dari kedua-dua belah arah. Garis sempadan 1927 ini telah digantikan pula dengan perjanjian persempadanan 7 Ogos 1995 di antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Singapura. Perjanjian ini diadakan untuk menentukan garis sempadan dengan lebih tepat lagi di sepanjang titik tengah kedalaman laut tersebut melalui aplikasi koordinat geografi. Ianya telah menghasilkan 72 titik sempadan



sepanjang 50 batu nautika di Selat Johor. Perjanjian yang dibuat pada tahun 1995 ini juga ada menyatakan, garis sempadan yang terhasil adalah muktamad dan tidak akan berubah ataupun dipengaruhi oleh mana-mana keadaan seperti perubahan kedalaman laut di Selat Johor, terutamanya kesan-kesan yang diterhasil akibat kegiatan penambakan di laut oleh kerajaan Singapura.

Di sepanjang 14 tahun perundingan dibuat sebelum kata putus di dalam perjanjian 1995 dicapai, kerajaan Malaysia dikatakan tidak pernah membangkitkan isu Titik 20 ini. Sebagaimana yang ditunjukkan pada Rajah 4, titik-titik sempadan 19, 20 dan 21 telah membentuk garis sempadan yang meruncing menuju terus ke dalam wilayah Tuas apabila kerajaan Malaysia menghasilkan peta 1979. Walakin begitu, di dalam perjanjian sempadan 1995, garis sempadan kelihatan normal dan telah dipersetujui oleh kedua-dua negara. Disebabkan itu, isu berkenaan hak milik Titik 20 berdasarkan peta 1979 adalah sama sekali tidak relevan untuk dibangkitkan oleh kerajaan Malaysia sebagai hujah tuntutan *provisional measures* terhadap kerajaan Singapura di mahkamah ITLOS. Oleh yang demikian, kerajaan Singapura telah menolak penerbitan peta tahun 1979 oleh kerajaan Malaysia, dan tetap menegaskan yang Titik 20 adalah terletak di dalam wilayah kedaulatan Singapura.

claimed boundary.



Rajah 4: Kedudukan Titik 20 yang menjadi pertikaian di antara kedua-dua negara. Sumber: (ITLOS 2003c).

Namun bagi Malaysia pula, kaedah penentuan sempadan yang telah digunakan adalah berasaskan prinsip *equidistant*, iaitu penetapan

garis sempadan yang dikira bermula pada titik terdekat di antara wilayah Singapura dengan negeri Johor. Untuk Titik 20 khususnya, ianya dikira di antara Sultan Shoal dan Tanjung Teritip pada sebelah Singapura, manakala Pulau Merambong pula pada sebelah Malaysia. Sebelum isu berkaitan dengan kegiatan penambakan wilayah di Tuas tercetus, Titik 20 yang dituntut oleh kerajaan Malaysia masih lagi belum ditambak oleh kerajaan Singapura. Pada tahun 2003, tuntutan Titik 20 oleh kerajaan Malaysia sebagai sebahagian wilayah miliknya disifatkan sebagai perlu disegerakan, memandangkan proses penambakan giat dilakukan oleh kerajaan Singapura di zon berkenaan.

Selain daripada itu, tuntutan kerajaan Malaysia terhadap Titik 20 ini juga sangat relevan di bawah Konvesyen Undang-Undang Laut Antarabangsa 1982 seperti yang diperuntukkan di dalam Artikel 15. Petikan yang berkaitan adalah seperti berikut:

*“Where the coasts of two States are opposite or adjacent to each other, neither of the two States is entitled, failing agreement between them to the contrary, to extend its territorial sea beyond the median line every point of which is equidistant from the nearest points on the baselines from which the breadth of the territorial seas of each of the two States is measured. The above provision does not apply, however, where it is necessary by reason of historic title or other special circumstances to delimit the territorial seas of the two States in a way which is at variance therewith”.*

Rentetan daripada itu, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk memetakan semula sempadan maritimnya, seperti yang telah dilakukan pada tahun 1979 adalah sama sekali tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang antarabangsa. Apa yang penting, isu pemetaan semula sempadan maritim Malaysia, yang dikatakan telah dilaksanakan secara unilateral oleh kerajaan Malaysia bukanlah isu sebenar yang perlu dipertikaikan. Ini adalah kerana, isu sebenar yang harus diteliti ialah tindakan unilateral kerajaan Singapura yang telah membuat penambakan di Titik 20 tanpa sebarang rujukan kepada kerajaan Malaysia.

Seperti yang terkandung di dalam hansard Parlimen Malaysia yang telah membincangkan perkara ini, diperjelaskan bahawa perjanjian pada 7 Ogos 1995 tidak meliputi kawasan Titik 20 tersebut. Justeru, dakwaan kerajaan Singapura bahawa kerajaan Malaysia gagal membangkitkan isu hak miliknya terhadap Titik 20 di sepanjang 14 tahun perundingan perjanjian itu sebenarnya tidak relevan sama sekali kerana Titik 20 masih merupakan titik koordinat yang perlu diputuskan di dalam siri rundingan yang berbeza selaras dengan perintah mahkamah ITLOS pada 10 Januari 2005 (Dewan Rakyat Malaysia 2014).

## Penghakiman ITLOS

Susulan permohonan *provisional measures* kerajaan Malaysia pada 4 September 2003, kerajaan Singapura telah mengemukakan jawapan balas ke mahkamah ITLOS pada 20 September 2003. Pendengaran kes ini telah dibuat di dalam lima siri prosiding di antara 25, 26 dan 27 September 2003. Setelah para hakim selesai membuat pertimbangan dan keputusan, maka perintah mahkamah telah dikeluarkan pada 8 Oktober 2003. Mahkamah telah sebulat suara memutuskan perintah sebagaimana yang berikut:

1. Kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura akan bekerjasama menubuhkan Kumpulan Pakar Bebas (GOE) untuk melaksanakan kajian dan menentukan impak-impak penambakan wilayah Singapura, serta mencadangkan tindakan yang bersesuaian untuk menghadapi impak-impak yang timbul akibat penambakan wilayah tersebut di dalam jangka masa tidak melebihi setahun mulai tarikh perintah, dan dilakukan di bawah terma-terma rujukan yang dipersetujui secara bersama oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura. GOE ini juga perlu menyediakan secepat mungkin laporan interim berkenaan kerja-kerja penambakan di kawasan D, Pulau Tekong. Selain daripada itu, kedua-dua kerajaan juga dikehendaki bertukar-tukar maklumat dan penilaian, tentang risiko-risiko atau impak-impak penambakan wilayah Singapura secara konsisten di antara satu sama lain.
2. Memerintahkan kerajaan Singapura, dengan mengambil kira laporan kumpulan pakar bebas, tidak melaksanakan penambakan wilayahnya di dalam apa cara yang mungkin menyebabkan prejudis yang tidak boleh diperbaiki terhadap hak-hak kerajaan Malaysia, atau menyebabkan ancaman yang serius terhadap hidupan marin.
3. Memutuskan bahawa kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura akan menghantar laporan awal tidak lewat daripada 9 Januari 2004 ke Tribunal.
4. Memutuskan setiap pihak akan menanggung kosnya sendiri.

Lanjutan daripada perintah mahkamah tersebut, kedua-dua kerajaan secara bersama menubuhkan GOE dan perlantikan keahliannya dibuat pada Januari 2004. Kerajaan Malaysia telah melantik Prof. Roger Falconer dan Prof. Christopher Fleming dari United Kingdom sebagai tenaga pakar bagi mewakili Malaysia. Manakala kerajaan Singapura pula melantik Prof. Kees d'Angremond dari Belanda dan Prof. William Kamphuis dari Kanada sebagai tenaga pakarnya. GOE ini dipengerusikan secara bersama oleh Prof. Falconer dan Prof. d'Angremond. Kedua-dua kerajaan juga telah melantik firma penyelidik dari Denmark iaitu *DHI-Water and Environment* untuk membantu

GOE di dalam mengendalikan kerja-kerja lapangan. Secara keseluruhannya, kerja-kerja mengkaji impak penambakan wilayah Singapura berjalan dengan baik dan profesional.


Laporan lengkap kajian telah diserahkan kepada kedua-dua kerajaan pada 5 November 2004. Dokumen laporan GOE ini telah distatuskan sebagai dokumen rahsia oleh kedua-dua negara. Secara umumnya, agen Singapura Prof. Tommy Koh menegaskan, laporan kajian tersebut merumuskan bahawa kerja-kerja penambakan wilayah Singapura tidak menyebabkan sebarang impak yang serius (Koh 2005). Daripada 57 impak yang telah dikenalpasti oleh GOE, 40 daripadanya hanya boleh dikesan melalui permodelan komputer, dan 17 impak lagi telah dikesan dan langkah-langkah mitigasi telah dicadangkan oleh pihak GOE. Secara umumnya, GOE telah merumuskan beberapa perkara seperti berikut:

1. Aktiviti-aktiviti penambakan di Tuas dan Pulau Tekong telah mengakibatkan beberapa impak kepada kawasan kajian.
2. Tiada sebarang impak major yang direkodkan.
3. Sebanyak 17 impak telah dikenalpasti berada di dalam kategori impak minor ke impak sederhana.
4. Sebanyak 14 impak adalah dikaitkan secara terus kepada perubahan kelajuan arus di zon kerja-kerja penambakan. Impak-impak tersebut boleh dimitigasikan dengan mengurangkan kelajuan arus di kawasan berkenaan.
5. Hakisan pinggir pantai disahkan berlaku di jeti Pularek dan jeti Belungkor. GOE juga mengesahkan bahawa sebahagian daripada struktur jeti-jeti tersebut telah rosak sebelum aktiviti penambakan berlaku.
6. Dinding pemisah yang didirikan untuk mengasingkan zon penambakan di Pulau Tekong telah meningkatkan tindak balas ombak di *Calder Harbour Channel*.

### **Keputusan akhir ITLOS pasca laporan GOE**

Setelah jemaah hakim menerima laporan daripada GOE, maka pada 10 Januari 2005 mahkamah ITLOS telah memutuskan tiga bahagian perintah mahkamah kepada kerajaan Singapura dan Malaysia iaitu, (i) mengimplimentasikan cadangan-cadangan yang terdapat di dalam laporan GOE, (ii) navigasi, dan (iii) mekanisma kerjasama. Untuk perintah mahkamah di dalam bahagian pertama, kerajaan Singapura diarahkan mengubah rekabentuk akhir garis pantai di zon penambakannya yang terletak di Area D di Pulau Tekong dan Changi. Perubahan rekabentuk Area D ini perlu mengikut cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh GOE, iaitu mewujudkan *bite*, *nose* dan *Changi Finger* seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 5. *Bite* berfungsi untuk melebarkan

*Calder Harbour Channel* supaya dapat mengurangkan kelajuan arus dan menjadikan aliran arus bertindak secara normal sebagaimana sebelum projek penambakan wilayah dilakukan di kawasan berkenaan. Manakala *nose* pula akan melancarkan pergerakan aliran arus masuk dan arus keluar di sepanjang *Calder Harbour Channel* dan *Kuala Johor Channel*.



Rajah 5: Perubahan rekabentuk dengan mewujudkan *bite* dan *nose* di *Area D*, Pulau Tekong, dan rekabentuk *streamline* di *Changi Finger*. Sumber: (D'Angremond et al. 2004).

Kerajaan Singapura juga diperintahkan untuk memastikan agar tahap kedalaman laut di bite tersebut kekal -12 meter dari dasar laut. Bagi *Changi Finger* pula, keadaan tersebut dikenalpasti menyebabkan berlakunya peningkatan kelajuan arus di sepanjang *Kuala Johor Channel* sehingga boleh menjejaskan navigasi kapal-kapal di kawasan berkenaan. Oleh hal yang demikian, kerajaan Singapura telah diarahkan melakukan *streamline* di *Changi Finger*, sama ada secara berstruktur kekal atau berstruktur sementara.

Selain daripada itu, kerajaan Singapura perlu menanggung kos kerja-kerja pemulihan jeti Belungkor dengan nilai S\$300,000, manakala kerajaan Malaysia pula perlu menanggung kos pemulihan di jeti Pularek. Bagi isu pampasan kepada para nelayan Malaysia yang terjejas, sebanyak RM5,200 perlu dibayar kepada setiap seorang nelayan oleh kerajaan Singapura dengan jumlah keseluruhannya bernilai RM374,400.

Selanjutnya di dalam bahagian dua perintah mahkamah ITLOS, kerajaan Singapura mesti memberi jaminan kepada kerajaan Malaysia bahawa, keselamatan laluan navigasi kapal-kapal laut untuk melalui *Kuala Johor* dan *Calder Harbour* tidak akan terjejas akibat projek penambakan di Pulau Tekong. Bahagian tiga perintah mahkamah pula mengarahkan kedua-

dua kerajaan mewujudkan satu mekanisma kerjasama yang dikenali sebagai *Malaysia – Singapore Joint Committee on the Environment* (MSJCE). MSJCE ini berfungsi sebagai wadah untuk bertukar-tukar maklumat berkaitan dengan isu alam sekitar di Selat Johor, dan melaksanakan secara bersama-sama segala aktiviti pemantauan alam sekitar seperti pemantauan kualiti alir, ekologi dan morfologi.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, walaupun undang-undang antarabangsa membenarkan setiap negara yang berdaulat untuk membangunkan wilayah laut masing-masing, akan tetapi secara moralnya, tindakan tersebut terikat dengan kesan-kesan yang akan diterima oleh negara jiran terdekat (Ashraf Abdullah 2002). Oleh itu, kerajaan Singapura sebagai ahli kepada UNCLOS 1982, perlulah memikirkan impak kegiatan penambakan yang dilakukannya terhadap Malaysia. Terdapat juga pandangan yang merumuskan bahawa, rangsangan kepada tindakan kerajaan Singapura yang melaksanakan projek penambakan di Tuas dan Pulau Tekong adalah disebabkan, jika kerajaan Malaysia memilih untuk membawa kes tersebut ke mahkamah antarabangsa, dan kerajaan Singapura di dapati bersalah kerana menafikan hak-hak Malaysia, maka kemungkinan pampasan kewangan akan dikenakan kepada mereka (Ching 2002). Di dalam hal ini, kerajaan Singapura dikatakan sangat bersedia dengan kemungkinannya itu, selagimana pembesaran saiz negara Singapura dapat mencapai matlamatnya.

Selanjutnya, hasil akhir kajian GOE pula telah membenarkan dakwaan awal kerajaan Malaysia bahawa, kerja-kerja penambakan wilayah Singapura di Tuas dan Pulau Tekong telah menyebabkan beberapa impak negatif seperti pencemaran di perairan laut Malaysia dan menjejaskan laluan perkapalan di Selat Johor. Justeru permohonan provisional measures kerajaan Malaysia sememangnya mempunyai asas kes yang sangat kukuh. Apatah lagi, kenyataan Prof. Tommy Koh selepas laporan kajian GOE dihasilkan, dilihat tidak konsisten dengan keyakinan awalnya ketika mempertahankan tindakan kerajaan Singapura di dalam pelaksanaan projek penambakan wilayah di Tuas dan Pulau Tekong. Ini adalah kerana sebelum ini, beliau ada menegaskan bahawa tiada sebarang impak negatif seperti pencemaran di laut yang timbul akibat projek itu.

Setelah kedua-dua negara menerima laporan akhir GOE tersebut, masing-masing bersetuju untuk menjadikan segala cadangan mitigasi yang terkandung di dalam laporan itu sebagai asas kepada penyelesaian masalah. Sebanyak tiga pusingan rundingan diplomatik telah diadakan iaitu pada 22-23 Disember 2004 di Singapura, 7-9 Januari 2005 di Kedutaan Malaysia di Belanda, dan 8-9 Februari 2005 di Singapura. Di dalam siri rundingan ini, beberapa pindaan telah dibuat oleh kedua-dua negara dan masing-masing telah

mencapai kata persetujuan untuk menerima pindaan yang dibuat. Pada 26 April 2005, kedua-dua wakil kerajaan telah menandatangani perjanjian bersama secara rasmi untuk menamatkan pertelingkahan di dalam isu penambakan wilayah Singapura ini. Berkenaan isu tuntutan kerajaan Malaysia di Titik 20, kedua-dua delegasi kerajaan memutuskan untuk tidak membincangkan isu tersebut di dalam prosiding penambakan ini. Malahan, kedua-dua pihak telah bersetuju agar di adakan satu rundingan diplomatik yang berasingan selepas ini bagi memperincikan tuntutan bertindih Titik 20 tersebut.

## Rujukan

- Ashraf Abdullah. 2002. Is Singapore's reclamation work justifiable under international law? *New Straits Times*, 9 March:1.
- Cambell, R.W. 2008. Earthshots: Satellite images of environmental change. <http://earthshots.usgs.gov> [23 Februari 2013].
- Charney, J.I. 2005. *International Maritime Boundaries*. Netherlands: Martinus Nijhoff Publishers.
- Chew J.L.S. 2014. Kepentingan penambakan wilayah di Singapura pada perspektif penduduk tempatan, Singapura. Temubual, 27 November.
- Ching, Y.M. 2002. Spat over reclamation issue joins a long list of tit-for-tats. <http://www.malaysiakini.com/opinions/21371> [24 Ogos 2013].
- Chong A.C.S. 2014. Isu penambakan wilayah di Singapura, Singapura. Temubual, 26 November.
- D'Angremond, K., Falconer, R.A., Fleming, C.A. & Kamphuis, J.W. 2004. *Impact of Singapore Land Reclamations: Report of the Group of Independent Experts (GOE) in the matter of ITLOS Order of 8 October, 2003*. Hamburg: International Tribunal for the Law of the Sea.
- ITLOS. 2001. *Mox Plant (Ireland v. United Kingdom), Provisional Measures, Order of 3 December 2001*. Hamburg: International Tribunal for the Law of the Sea.
- ITLOS. 2003a. *Request for Provisional Measures Submitted by Malaysia*. Hamburg: International Tribunal for the Law of the Sea.
- ITLOS. 2003b. *Minutes of Public Sitzings*. Hamburg: International Tribunal for the Law of the Sea.
- ITLOS. 2003c. *Response of the Republic of Singapore*. Hamburg: International Tribunal for the Law of the Sea.
- Department of Environment Malaysia. 2007. *Environmental Impact Assessment (EIA) Guidance Document for Coastal and Land Reclamation Activities*.
- Dewan Rakyat Malaysia. 2014. Jawapan-Jawapan Lisan Bagi Pertanyaan-Pertanyaan. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*, hlm. 179-181. Parlimen Ketiga Belas Penggal Pertama.



- Kog Y. 2006. *Environmental Management and Conflict in Southeast Asia - Land Reclamation and its Political Impact*. Singapore: Institute of Defence and Strategic Studies.
- Koh, T. 2005. Talk to NUS Law Students on the Land Reclamation Case. [http://lkyspp.nus.edu.sg/wp-content/uploads/2013/04/sp\\_Tommkoh\\_Talk-to-NUS-Law-Students\\_14-Apr-05.pdf](http://lkyspp.nus.edu.sg/wp-content/uploads/2013/04/sp_Tommkoh_Talk-to-NUS-Law-Students_14-Apr-05.pdf) [23 Januari 2013].
- Koh, T. & Lin, J. 2006. The Land Reclamation Case: Thoughts and Reflections. *Singapore Year Book of International Law and Contributors (SYBIL)* X(10): 1-7.
- Li, L. 2002. Sailing into troubled waters. *The Star*, 10 March: 13.
- Nik Anuar Nik Mahmud, Mohd Fuad Jali & Mohammad Agus Yusoff. 2004. *Penambakan Laut oleh Singapura dan Kesannya ke atas Sempadan Wilayah dan Sosio Ekonomi Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Qing, K.G. 2005. Singapore finds it hard to expand without sand. *Reuters* April: 14.
- Schwartz, M.L. 2005. *Encyclopedia of Coastal Sciences*. Netherlands: Springer.

## **Nota Biografi**

Akmalhisham Jasni merupakan pelajar Doktor Falsafah Program Strategi, di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memperoleh MSc dalam Pemodelan Spatial (Remote Sensing dan Sistem Maklumat Geografi), Universiti Putra Malaysia.

Sharifah Munirah Alatas (peanutminat@gmail.com) merupakan pensyarah kanan Program Strategi, di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sharifah Mastura Syed Abdullah (smsa@ukm.edu.my) merupakan Profesor bidang Geomorphology dan Remote Sensing di Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia.